

Bagaimanapun penganalisis berpendapat tindakan MIC, MCA tidak akan jejas kemenangan calon Kerajaan Perpaduan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN  
SHAH ALAM

**K**eputusan MIC dan MCA yang tidak mahu terlibat dengan kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu sekiranya kerusi itu tidak ditandingi calon parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak menjejaskan persediaan Kerajaan Perpaduan untuk mengekalkan kemenangan di kawasan itu.

Felo Penyelidik Unit Literasi dan Advokasi Politik, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Yusri Ibrahim berkata, ini kerana sokongan akar umbi terutama etnik Cina dan India terhadap kedua-dua parti tersebut berada pada tahap sangat rendah.

“Dalam konteks Semenanjung, kerjasama se-

benar dalam Kerajaan Perpaduan adalah antara PH-UMNO, kerjasama PH-BN hanyalah formaliti atas kertas.

“Selagi kerjasama PH-UMNO kukuh, kerajaan akan kekal kukuh, MCA dan MIC tidak memberi pengaruh terlalu besar sekarang sama ada dalam kerajaan atau dalam BN itu sendiri. Dalam politik Malaysia, saingan MCA dan MIC adalah DAP.

“MCA dan MIC hilang sokongan etnik Cina dan India majoritinya kerana beralih sokongan kepada DAP. Secara strategiknya, jika kedua-dua parti komponen BN menyokong DAP, itu bermaksud mengukuhkan lagi kedudukan DAP, (jadi) tidak bagus untuk jangka panjang kelangsungan MCA dan MIC,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Sebelum ini, MCA dan MIC mengeluarkan kenyataan bahawa kedua-dua parti gabungan

# 'Bonus kecil' untuk pihak lawan

SH / 22/04/2024 / M156



MOHD YUSRI

BN itu tidak akan berkempen pada PRK Kuala Kubu Baharu jika calon kerajaan bukan daripada BN.

Jawatankuasa Pembangunan Politik MCA berkata, perkara itu diputuskan dalam mesyuaratnya pada Sabtu.

“Selepas pertimbangan teliti, keputusan sebulat suara jawatankuasa sekiranya calon yang dicadangkan itu bukan ahli mana-mana parti komponen BN, maka MCA tidak akan menyertai sebarang usaha kempen,” kata Jawatankuasa Pembangunan Politik MCA dalam satu kenyataan media.

Pada 22 Mac, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, gabungan itu tidak akan menuntut kerusi Kuala Kubu Baharu dan memberi laluan kepada rakan parti penyandang dalam Kerajaan Perpaduan iaitu DAP.

Terdahulu, Presiden MIC, Tan

Sri SA Vigneswaran berkata, parti itu tidak akan turun berkempen pada PRK yang sama kerana tidak ditandingi calon BN.

Ditanya sama ada tindakan boikot dilakukan MCA dan MIC boleh memberi kelebihan buat Perikatan Nasional (PN), Mohd Yusri yang juga Pensyarah Pengajian Polisi, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial UMT, mengakui perkembangan tersebut dilihat sebagai 'bonus' kepada lawan.

“Sedikit sebanyak boleh dijadikan modal kempen oleh PN. Bagaimanapun dalam konteks sokongan pengundi, tidak banyak mempengaruhi.

“Ini kerana pengundi teras MCA dan MIC sangat minimum. Kecenderungan pengundi bukan Melayu secara umumnya telah cenderung kepada PH, hanya pengundi Melayu yang akan jadi rebutan dan pertarungan dalam PRK DUN Kuala Kubu Baharu ini,” jelasnya.